

KEJOHANAN PING PONG TUNAS HARAPAN MILO MALAYSIA KE-30

PERATURAN PERTANDINGAN

1. **Nama Kejohanan :** Kejohanan Ping Pong Tunas Harapan MILO Malaysia Ke-30
2. **Tarikh Kejohanan :** 5th – 8th December, 2017
3. **Tempat Kejohanan :** Dewan Persatuan Memperbaiki Ahlak Che Luan Khor
居銓德教会紫銓阁
88 Jalan Lambak
86000 Kluang, Johor
4. **Tujuan :**
 - 4.1 Mencungkil bakat baru dan mempertingkatkan lagi mutu permainan pingpong.
 - 4.2 Memperluaskan serta menggalakkan penyertaan dalam permainan pingpong daripada pemain-pemain berbilangan kaum.
5. **Syarat Pertandingan :**
 - 5.1 Tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Kejohanan ini.
 - 5.2 Kejohanan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang ITTF yang terkini.
6. **Acara :**

	<u>Acara</u>	<u>Setiap Negeri</u>
6.1	Berpasukan Lelaki berumur 13 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.2	Berpasukan Perempuan berumur 13 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.3	Berpasukan Lelaki berumur 10 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.4	Berpasukan Perempuan berumur 10 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.5	Perseorangan Lelaki berumur 13 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.6	Perseorangan Perempuan berumur 13 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.7	Perseorangan Lelaki berumur 10 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.8	Perseorangan Perempuan berumur 10 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.9	Bergu Lelaki berumur 13 tahun dan ke bawah	2 pasang
6.10	Bergu Perempuan berumur 13 tahun dan ke bawah	2 pasang
6.11	Bergu Lelaki berumur 10 tahun dan ke bawah	2 pasang
6.12	Bergu Perempuan berumur 10 tahun dan ke bawah	2 pasang
6.13	Untuk acara perseorangan dan bergu, negeri pengebola dibenarkan menyertai maksima 2 (dua) kali ganda lebih bilangan peserta yang dibenarkan bagi setiap negeri.	

7. Pendaftaran Pemain :

- 7.1 Warganegara Malaysia atau permastautin tetap sahaja dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan ini.
- 7.2 Seseorang pemain hanya boleh mewakili satu negeri / wilayah sahaja.
- 7.3 Tarikh lahir adalah seperti berikut:
 - 7.3.1. Umur 13 Tahun dan Ke Bawah – bagi pemain yang dilahirkan pada atau selepas 1 Januari 2004.
 - 7.3.2. Umur 10 Tahun dan Ke Bawah – bagi pemain yang dilahirkan pada atau selepas 1 Januari 2007.
- 7.4. Pemain hanya dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam **satu kumpulan umur sahaja untuk setiap Kategori Acara iaitu Kategori Acara Berpasukan dan Kategori Acara Individu (acara perseorangan dan acara bergu)**.
- 7.5. Setiap negeri boleh mendaftarkan **TUJUH** orang pemain termasuk 2 orang pemain simpanan untuk dihantarkan kepada Jawatan kuasa Pengelola sebelum tarikh tutup. **LIMA** orang pemain sahaja kemudian akan dikenalpasti dalam Mesyuarat Pengurus untuk bertanding dalam Acara Berpasukan.
- 7.6. Peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam acara individu hendaklah terdiri daripada 7 orang pemain yang didaftarkan.
- 7.7. Salinan fotostat Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran pemain yang telah disahkan oleh persatuan negeri hendaklah dihantar bersama-sama dengan borang penyertaan.
- 7.8. Selepas tarikh tutup pendaftaran, senarai pemain akan dipaparkan dalam website TTAM, sebarang bantahan terhadap kelayakan seseorang pemain, jika ada, hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Teknikal TTAM **DALAM TEMPOH MASA SATU MINGGU** dari tarikh pemaparan untuk semakan dan penentuan.

8. Cara Pertandingan :

- 8.1 **Acara Berpasukan :**
 - 8.1.1 Mengikut Sistem Baru Piala Swaythling.
 - 8.1.2 Jika terdapat 12 atau lebih pasukan yang bertandingan, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 4 kumpulan dimana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan yang terbaik daripada setiap kumpulan akan layak diundi untuk bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
 - 8.1.3 Jika terdapat 9 hingga 11 pasukan yang bertandingan, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 3 kumpulan dimana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan yang terbaik daripada setiap kumpulan akan layak diundi untuk bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
 - 8.1.4 Jika terdapat 6 hingga 8 pasukan yang bertandingan, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 2 kumpulan dimana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan terbaik daripada setiap kumpulan akan layak

bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.

- 8.1.5 Jika terdapat 4 hingga 5 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan bertanding dalam satu kumpulan dimana sistem liga akan digunakan.
- 8.1.6 Jika terdapat kurang daripada 4 pasukan yang akan bertanding, acara tersebut akan dibatalkan.
- 8.1.7 Setiap perlawanan akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games)

8.2 **Acara Individu** :

- 8.2.1 Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
- 8.2.2 Bagi pertandingan bergu, semua pertandingan akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games).
- 8.2.3 Bagi pertandingan perseorangan Lelaki & Perempuan 10 Tahun dan Ke Bawah, perlawanan dari pusingan awal hingga pusingan akhir akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan. (Best of 5 Games)
- 8.2.4 Bagi pertandingan perseorangan Lelaki dan Perempuan 13 Tahun dan Ke Bawah, perlawanan dari pusingan pertama hingga pusingan suku akhir akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games). Pertandingan di peringkat separuh akhir dan akhir akan diputuskan dengan 4 permainan terbaik daripada 7 permainan (Best of 7 games).
- 8.2.5 Jika terdapat kurang daripada 8 orang peserta / pasangan yang telah akan bertanding, acara tersebut akan dibatalkan.

9. **Bola** : Bola Ping Pong **40+mm NITTAKU 3-Star berwarna putih** akan digunakan dalam kejohanan ini.

10. **Hadiah** :

- 10.1. Bagi acara berpasukan dan acara individu, hadiah akan diberikan kepada pemenang Johan, Naib Johan dan 2 Tempat Ketiga
- 10.2. Johan Keseluruhan Kejohanan (Overall **Champion**) akan ditentukan mengikut Sistem **Pemarkahan** yang ditetapkan oleh Persatuan Ping Pong Malaysia seperti di bawah ini:

Kedudukan	Acara Berpasukan	Acara Individu
Johan	10 markah	5 markah
Naib Johan	7 markah	3 markah
Tempat Ke-3	4 markah	1 markah
Tempat Ke-3	4 markah	1 markah

10.3. Pihak negeri penganjur adalah bertanggungjawab untuk membekalkan satu trophi untuk Johan Keseluruhan Kejohanan (Overall Champion).

11. Penginapan :

- 11.1 Setiap pasukan negeri/wilayah akan bertanggungjawab atas perbelanjaan penginapan pasukan negeri/wilayah masing-masing. Pihak negeri pengelola akan membantu negeri/wilayah untuk membuat tempahan tempat penginapan jika perlu.
- 11.2 Negeri pengelola akan bertanggungjawab menyediakan penginapan yang sesuai untuk pengadil-pengadil dari negeri-negeri lain.
- 11.3 Negeri pengelola akan bertanggungjawab menyediakan penginapan di hotel untuk Pegawai TTAM, Delekat Teknik, Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal dan Refri & Pengadil (TURC), TTAM.

12. Bayaran Penyertaan :

- 12.1 Acara Berpasukan : RM50.00 setiap pasukan
- 12.2 Acara Perseorangan : RM 8.00 setiap peserta
- 12.3 Acara Bergu : RM15.00 setiap pasangan

13. Cara Penyertaan :

- 13.1 Semua negeri yang ingin menyertai kejohanan ini dikehendaki mengembalikan Borang Penyertaan/Pendaftaran (Borang A, B, C, D, E, F) yang dikepilkan ini melalui email pada atau sebelum tarikh tutup seperti yang dinyatakan dalam peraturan 14.

**Setiausaha Kehormat,
Persatuan Ping Pong Negeri Johor,
Address:
email: johorpingpong@gmail.com**

- 13.2. Satu salinan Borang Penyertaan/Pendaftaran Pemain hendaklah dihantar kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal
Persatuan Ping Pong Malaysia
11-23-1,
1st Floor, Jalan Perkasa 15,
Bukit Jalil,
57000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-89961497 E-mail : tammalaysia@gmail.com

14. Tarikh Tutup Penyertaan :

- 14.1 Tarikh tutup Penyertaan (Borang A) adalah pada 29 September, 2017.
- 14.2 Tarikh tutup Pendaftaran pemain untuk Acara Berpasukan (Borang B) adalah pada **17 October, 2017.**
- 14.3 Tarikh tutup Pendaftaran pemain untuk Acara Individu (Borang C dan D) dan Borang Maklumat (Borang E dan F) adalah pada **14 November, 2017.**
- 14.4 Tarikh akhir Pengesahan pemain untuk Acara Individu adalah pada **21 November, 2017.** Selepas tarikh ini, sebarang pertukaran untuk Acara Individu akan dikenakan bayaran denda seperti ternyata di Peraturan 16.
- 14.5 Borang-borang Penyertaan/Pendaftaran yang diterima lewat daripada tarikh-tarikh tersebut TIDAK akan dilayan. **(Keputusan Mesyuarat Exco TTAM pada 3 Ogos 2013.)**

15. Cabutan Undi :

- 15.1 Cabutan undi bagi Acara Berpasukan akan diadakan pada **26 Oktober 2017, jam 11.00 pagi** di Bilik Mesyuarat, **Persatuan Ping Pong Malaysia.**
- 15.2 Cabutan undi bagi acara perseorangan akan diadakan selepas Mesyuarat Pengurus Pasukan. Masa dan tempat akan diberitahu kemudian.

16. Pertukaran Pemain :

- 16.1 Untuk acara berpasukan, pemindahan pemain dari satu kumpulan umur kepada kumpulan umur lain TIDAK dibenarkan selepas cabutan undi berpasukan.
- 16.2 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum kejohanan dimulakan untuk menguruskan hal-hal pertukaran pemain. Selepas mesyuarat tersebut, sebarang permintaan pertukaran pemain TIDAK akan dilayan.
- 16.3 Pertukaran pemain untuk semua acara adalah dibenarkan dan penggantinya hendaklah daripada pemain-pemain yang telah didaftarkan sahaja.
- 16.4 Pertukaran pemain untuk **Acara Perseorangan** adalah dibenarkan dengan bayaran denda seperti berikut:
 - 16.4.1 Pertukaran pemain yang pertama dalam Acara Perseorangan akan dikenakan bayaran denda RM50.00 dan pertukaran pemain yang kedua akan dikenakan bayaran denda RM100.00.
- 16.5 Pertukaran pemain atau pasangan untuk Acara Bergu adalah dibenarkan dan dikenakan bayaran denda seperti berikut:
 - 16.5.1 Pertukaran pemain atau pasangan yang pertama dalam Acara Bergu akan dikenakan bayaran denda RM100.00 dan pertukaran yang kedua akan dikenakan bayaran denda RM150.00. Pemindahan pemain antara 2 pasangan asal adalah dianggap sebagai satu pertukaran sahaja.
- 16.6 Penambahan pemain dalam semua acara selepas tarikh tutup pendaftaran pemain (21 November 2017) TIDAK akan dibenarkan.

17. Jawatankuasa Teknikal / Juri Rayuan :

17.1 Delegate Teknikal akan dilantik oleh Persatuan Ping Pong Malaysia untuk mengawal segala pengurusan dan susunan teknikal.

17.2 Ahli-ahli Juri rayuan akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan ini.

17.3. Juri Rayuan akan terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- a) Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya;
- b) Setiausaha : Setiausaha Kehormat Negeri Pengelola atau wakilnya;
- c) Ahli-Ahli : Referi Kejohanan;
: Delegat Teknikal TTAM
: Wakil dari 3 Buah negeri yang tidak terlibat

18. Menarik Diri :

18.1 Pasukan / Pemain yang terlewat 15 minit daripada masa yang telah dijadualkan akan dianggap sebagai memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pasukan / pemain lawannya.

18.2 Menarik diri (Walkover) tidak dibenarkan. Jika berlaku, mereka yang terlibat akan dianggap sebagai menarik diri daripada kejohanan seterusnya.

18.3 Keputusan –keputusan pertandingan yang terdahulu tidak akan diambil kira bagi pasukan / pemain yang menarik diri.

19. Bantahan / Rayuan :

19.1 Segala bantahan atau rayuan hendaklah dibuat selewat-lewatnya dalam masa 30 minit selepas tamatnya perlawanan yang berkenaan melalui Pengurus Pasukan / Ketua Pasukan (acara berpasukan) atau pemain yang berkenaan (acara individu) secara bertulis dan disertakan dengan bayaran wang tunai RM 100.00 (Ringgit Malaysia Seratus sahaja) sebagai wang cagaran.

19.2 Jika bantahan atau rayuan gagal diterima, wang cagaran tersebut tidak akan dikembalikan.

20. Pakaian :

20.1 pemain-pemain tidak dibenarkan memakai pakaian yang berwarna putih.

20.2 Warna Pakaian dua pasukan / dua peserta / dua pasangan bergu yang bertanding mestilah berlainan.

Pasukan/Pemain dinasihatkan sentiasa bersedia dengan dua helai baju permainan yang berlainan warna untuk bertanding.

20.3 Pemain-pemain dalam satu pasukan / pasangan (untuk bergu) mesti berpakaian seragam.

20.4 Semua pemain (kecuali pemain perempuan beragama Islam) diwajibkan memakai baju permainan berlengan pendek dan seluar pendek.

21. Pengadil :

- 21.1 Hanya pengadil-pengadil yang dilantik oleh persatuan negeri sahaja yang akan diterima oleh pihak pengelola untuk berkhidmat di kejohanan ini. Pencalonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Pencalonan Resmi yang disediakan oleh URC Persatuan Ping Pong Malaysia.
- 21.2 Berpadu kepada 'TTAM Directive On Selection Of Umpires: Policy & Procedural Guidelines For All TTAM Endorsed Competiton / Tournaments', setiap negeri yang mengambil bahagian adalah diwajibkan menghantar seorang pengadil yang berperingkat SU atau NUP atau NU sahaja untuk berkhidmat dalam kejohanan ini.
- 21.3 Pengadil yang dicalonkan hendaklah aktif dan telah berdaftar dengan NURC. Jika seorang SU dicalonkan, beliau mestilah berumur 16 tahun dan ke atas dan telah berdaftar dengan NURC serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 12 bulan sebagai pengadil berperingkat SU.
- 21.4 Negeri-negeri yang gagal menghantar seorang pengadil yang bertauliah akan dikenakan denda bayaran kepada Jawatankuasa Pengelola seperti berikut:
- | | | |
|----------------------|---|----------|
| Semenanjung Malaysia | : | RM200.00 |
| Malaysia Timur | : | RM500.00 |
- 21.5 Jawatankuasa Pengelola akan membayar elaun kepada Delegat Teknikal, Refri dan Pengadil mengikut kadar seperti berikut: (pindaan 2012)
- | | | |
|---------------------------------------|---|-----------------|
| a) Delegat Teknikal | : | RM120.00 sehari |
| b) Refri (IR/NR) | : | RM100.00 sehari |
| c) Timbalan Refri (IR/NR/IU) | : | RM 90.00 sehari |
| d) Timbalan Refri (NU) | : | RM 80.00 sehari |
| e) Pengadil Peringkat Negeri (SU) | : | RM 60.00 sehari |
| f) Pengadil Peringkat Kebangsaan (NU) | : | RM 70.00 sehari |
| g) Pengadil Peringkat ITTF (IU) | : | RM 80.00 sehari |
- 21.6 Semua pengadil Peringkat Negeri (SU) yang akan berkhidmat di kejohanan ini dikehendaki menyertai Kursus Kepengadilan Peringkat Kebangsaan (NU) yang akan diadakan dua hari sebelum tarikh kejohanan. Pembayaran yuran kursus akan dikenakan mengikut pakej dan kadar seperti berikut:

Pakej 1 : RM70.00 seorang – Utk seorang SU sahaja dari negeri yang AKAN berkhidmat dalam kejohanan ini. Hospitality dan penginapan akan disediakan oleh negeri penganjur.

Pakej 2 : RM130.00 seorang - Untuk seorang SU tambahan atau lebih yang TIDAK akan berkhidmat dalam kejohanan ini. Hospitality dan penginapan akan disediakan oleh negeri penganjur.

Pakej 3 : RM50.00 seorang – Untuk seorang SU tambahan atau lebih yang TIDAK akan berkhidmat dalam kejohanan ini. Hospitality dan penginapan TIDAK disediakan oleh negeri penganjur.

Hospitality yang disediakan mengandungi 2 kali makan tengahari dan 3 kali minuman ringan. Penginapan akan disediakan adalah untuk malam sebelum hari kursus dan juga pada malam hari kursus.

21.7 Negeri Pengelola adalah bertanggungjawab dalam urusan pengelolaan Kursus NU akan membiayai perbelanjaan bagi perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam mesyuarat TTAM.

21.8 Tarikh Mesyuarat / Taklimat Pengadil Kejohanan akan diadakan pada 4 December, 2017 jam 2 petang. Semua pengadil adalah diwajibkan hadir, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka yang tidak hadir.

22. Ujian Kawalan Raket (Racket Control) :

Ujian Kawalan Raket akan dilaksanakan dengan mengikut peraturan dan prosedur seperti yang ditetapkan oleh ITTF dan TTAM.

23. Perkara Am :

Jika terdapat sebarang masalah atau kerumitan yang tidak diperuntukan dalam peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan ini, Jawatankuasa Teknikal Persatuan Ping Pong Malaysia akan memutuskan dan keputusannya adalah muktamad.

JAWATANKUASA TEKNIKAL PERSATUAN PING PONG MALAYSIA

Cara Pertandingan Pusingan Kedua Bagi Acara Berpasukan

